



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**KERAJAAN MENGURANGKAN HARGA RUNCIT RON97, RON95 DAN DIESEL
BAGI TEMPOH 18 DISEMBER 2025 HINGGA 24 DISEMBER 2025**

Seiring dengan perubahan harga pasaran minyak dunia, Kerajaan memutuskan untuk mengurangkan harga runcit **RON97 sebanyak 3 sen kepada RM3.24 seliter, RON95 tanpa subsidi sebanyak 2 sen kepada RM2.62 seliter** dan harga runcit **diesel di Semenanjung Malaysia sebanyak 4 sen kepada RM3.02 seliter bagi tempoh 18 Disember 2025 hingga 24 Disember 2025.**

Kerajaan akan terus memantau perkembangan pasaran dan menyelaras harga runcit RON97, RON95 dan diesel dengan mengambil kira pergerakan harga pasaran minyak dan juga menyokong kestabilan harga.

Sehubungan itu, berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism*, harga runcit produk petroleum bagi tempoh **18 Disember 2025 hingga 24 Disember 2025** adalah ditetapkan seperti berikut:

- (i) harga runcit petrol RON97 diturunkan sebanyak 3 sen kepada RM3.24 seliter;
- (ii) harga runcit petrol RON95 tanpa subsidi diturunkan sebanyak 2 sen kepada RM2.62 seliter;
- (iii) harga runcit petrol bersubsidi RON95 di bawah BUDI95 kekal pada RM1.99 seliter;
- (iv) harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia diturunkan sebanyak 4 sen kepada RM3.02 seliter; dan
- (v) harga runcit diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan kekal pada RM2.15 seliter.

Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

17 Disember 2025